



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 12.00 tengah hari, 2 Mei 2026.

Untuk Terbitan Media
2 Mei 2026

SIARAN MEDIA

ELAUN PASCA CUTI BERSALIN: MEMBELA KEBAJIKAN IBU BEKERJA

KUALA LUMPUR: Pengenalan Elaun Pasca Cuti Bersalin (EPCB) yang menjadikan Malaysia seiring piawaian global seperti digariskan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) berupaya meningkatkan penyertaan wanita dalam pasaran buruh aktif.

Faedah baharu yang bakal diperkenalkan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) itu menggunakan pendekatan 'perkongsian liabiliti' dengan EPCB berperanan menyerap sebahagian beban kos sara hidup pekerja semasa cuti tambahan dan tidak memberikan kesan fiskal langsung kepada operasi majikan.

PERKESO memaklumkan pendekatan sedemikian dilaksanakan di pelbagai negara maju seperti Sepanyol, Portugal, Perancis dan China yang memanfaatkan dana keselamatan sosial bagi memastikan kelangsungan industri tanpa mengorbankan kebajikan wanita pasca bersalin.

"Pelaksanaan ini bukan sahaja kritikal dalam memelihara kesihatan wanita hamil, malah menjadi benteng yang menampan kecenderungan wanita meninggalkan kerjaya selepas bersalin ekoran dibebani peningkatan kos sara hidup keluarga.

"Sebagai penggerak utama, PERKESO bertekad menjadikan EPCB sebagai tunjang kepada pemangkin pasaran buruh Malaysia yang lebih inklusif, adil dan progresif," menurut kenyataan yang diedarkan, hari ini.

Kenyataan sama juga menjelaskan bahawa faedah terbaharu itu akan dilaksanakan melalui pindaan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800).

Dalam pada itu, pelaksanaan Skim Pengembara PERKESO menerusi Akta Perlindungan Keselamatan Sosial Pekerja Sendiri 2017 (Akta 789) berperanan untuk menutup kelompangan perlindungan sosial melibatkan pekerja rentas sempadan yang selama ini terdedah kepada risiko kelangsungan sosioekonomi.

"Langkah ini dijangka melindungi sekitar 1.6 juta individu, termasuk hampir 480,000 pekerja yang berulang-alik setiap hari menerusi Tambak Johor, bagi memastikan nadi ekonomi keluarga ini mendapat pembelaan sewajarnya daripada risiko yang tidak terjangkau sebelum ini.

"Ini bukan sekadar peluasan skim, sebaliknya manifestasi sokongan terhadap pengorbanan ratusan ribu pekerja yang berdepan risiko tinggi demi kelangsungan hidup," menurut PERKESO.

Sebagai agensi yang memegang amanah perlindungan sosial negara, PERKESO menegaskan segala

mekanisme operasi dan sistem sokongan telah diperkemas bagi memastikan pelaksanaan kedua-dua inisiatif tersebut berjalan lancar selaras aspirasi Kerajaan MADANI.

PERKESO kini berada pada tahap kesiapsiagaan tertinggi untuk melaksanakan mandat tersebut demi memastikan setiap penambahbaikan memberi impak nyata kepada kesejahteraan rakyat.

##TAMAT##

Mengenai LINDUNG

LINDUNG ialah penjenamaan semula skim perlindungan keselamatan sosial PERKESO yang dilancarkan pada 22 Ogos 2025 sebagai langkah strategik memperkukuh peranan dalam melindungi rakyat. Pendekatan ini lebih segar, inklusif, mudah diingati dan berimpak tinggi bagi menyampaikan mesej perlindungan sosial secara meluas dan berkesan. Ia bertujuan memperluas capaian, meningkatkan kesedaran serta memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap PERKESO sebagai pelindung utama keselamatan sosial. Di bawah penjenamaan ini, Akta 4 dikenali sebagai **LINDUNG PEKERJA**, Akta 800 sebagai **LINDUNG KERJAYA**, Akta 789 (SKSPS) sebagai **LINDUNG KENDIRI**, dan Akta 838 (SKSSR) sebagai **LINDUNG KASIH**. Maklumat lanjut di www.perkeso.gov.my.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

2 Mei 2026

Untuk pertanyaan media, sila hubungi

Ikhlil Fatihah Kamal Redzuan

+6019-3273193

fatihah.redzuan@perkeso.gov.my

Ridauddin Daud

+6019-3265772

ridauddin.daud@perkeso.gov.my